

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN  
(RANAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 15.03.2017**

**Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [ RANAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah unjuran jumlah pendapatan negara daripada aktiviti minyak dan gas serta GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan); dan
- (b) berapakah jumlah pendapatan (untung bersih) Petronas hasil daripada aktiviti minyak dan gas Petronas di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM219.7 bilion.

bilion yang merangkumi hasil cukai langsung sebanyak RM120.7 bilion dan hasil cukai tidak langsung sebanyak RM59.8 bilion. Manakala hasil bukan cukai pula dianggar sebanyak RM39.1 bilion.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil berkaitan petroleum merangkumi hasil cukai pendapatan petroleum (PITA), duti eksport, royalti petroleum, dividen PETRONAS dan hasil daripada aktiviti minyak antara Malaysia dan Thailand (MTJA). Bagi tahun 2017, hasil berkaitan petroleum diunjur sebanyak RM30.2 bilion. Cukai barang dan perkhidmatan (GST) pula dianggar berjumlah RM40 bilion.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PETRONAS sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan kehendak peraturan perakaunan yang diperakui serta diaudit oleh juruaudit bertauliah.

4. PETRONAS turut melaporkan kedudukan serta prestasi kewangan tahunan untuk pengetahuan dan akses umum melalui laman sesawang [www.petronas.com.my/investor-relations](http://www.petronas.com.my/investor-relations). Seksyen ini melaporkan prestasi kewangan serta operasi tahunan PETRONAS

mengikut sektor hulu dan hiliran. Prestasi setiap sektor pula dibahagikan mengikut operasi antarabangsa dan domestik.

5. Untuk makluman, bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2016, pendapatan PETRONAS adalah sebanyak RM146 billion manakala pendapatan selepas cukai adalah sebanyak RM12 billion. Walau bagaimanapun, PETRONAS tidak mengakaunkan hasil dan perbelanjaan operasi mengikut negeri dan laporan kewangan yang telah diaudit adalah berdasarkan pendapatan keseluruhan bagi setiap syarikat di bawah PETRONAS.